

284

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN

SOALAN : NO. 510

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dalam tahun 2016, jumlah pelajar yang dikecualikan daripada pembayaran balik pinjaman PTPTN atas ganjaran keputusan akademik cemerlang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengecualian bayaran balik diberikan kepada peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kepujian Kelas Pertama atau setaraf dengannya yang diperkenalkan mulai tahun 2003. Insentif ini adalah atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta tanpa mengira kaum dan latar belakang keluarga sebagai galakan kepada pelajar untuk menggandakan usaha dalam pendidikan.

Bagi tahun 2016, seramai 9,945 orang peminjam telah diberikan pengecualian bayaran balik melibatkan amaun RM319.79 juta.